

# Kesumba terima sumbangan RM30,000 jalankan pelbagai aktiviti

UM 9.1.2013 26

KOTA KINABALU 8 Jan. - Kelab Isteri-Isteri dan Kakitangan Wanita (Kesumba) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima sumbangan RM30,000 daripada syarikat B.H.O Sdn. Bhd. bagi membantu persatuan itu menjalankan pelbagai aktiviti.

Naib Canselor UMS yang juga Penasihat Kesumba, **Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah** berharap, menerusi sumbangan itu Kesumba dapat meneruskan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat untuk para ahlinya.

"Kami amat menghargai bantuan yang dihulurkan ini. Semoga kerjasama ini akan diteruskan pada masa depan," katanya sempena majlis penyerahan cek sumbangan itu di Bilik Mesyuarat Lembaga Eksekutif UMS di sini baru-baru ini.

Dalam majlis ringkas tetapi pe-

nuh bermakna itu, Pengerusi Kesumba, Datin Baidah Ibrahim menerima cek berkenaan daripada wakil syarikat pembinaan itu.

Sementara itu, **Baidah** berkata, Kesumba akan menganjurkan majlis makan malam amal bertemakan 'Semarak Budi' sempena ulang tahun ke-20 UMS pada 22 Mac ini dan hasil kutipan akan diagihkan kepada rumah-rumah kebajikan terpilih di negeri ini.

Sehubungan itu, pihaknya mengalu-alukan mana-mana individu atau syarikat korporat yang berminat menghulurkan derma untuk majlis amal itu.

Mereka yang berminat mengetahui lebih lanjut mengenai program itu boleh menghubungi Dk. Rozlina Pg. Aliuddin di talian 010-9440388 atau 088-320000.



**MOHD. Harun Abdullah (tengah) menyaksikan penyampaian sumbangan daripada wakil syarikat B.H.O Sdn. Bhd. kepada Baidah Ibrahim (depan, tiga dari kiri) bagi membantu persatuan itu menjalankan pelbagai aktiviti di Bilik Mesyuarat Lembaga Eksekutif UMS, di Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.**